

Tarikh: _____
[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Kredit Kad-i (Tawarruq). Sila baca terma & syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Kad Kredit-i adalah instrumen pembayaran yang membolehkan pembayaran bagi barangan dan / atau perkhidmatan yang dibuat di cawangan perniagaan dan perkhidmatan menggunakan kad kredit yang akan ditolak secara langsung dari barisan kredit kad kredit anda. Kad Kredit-i juga membolehkan anda untuk melakukan pengeluaran tunai di dalam dan luar negara sehingga had pengeluaran yang tertakluk kepada terma dan syarat bank.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Kad ini dikeluarkan kepada pemegang kad di bawah konsep Syariah *Tawarruq* yang terdiri daripada dua jual beli kontrak di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda dan jualan berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Dalam produk ini, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan berasaskan *Murabahah* yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

Pelanggan memohon kad kredit daripada pihak Bank dengan membuat satu janji yang mengikat (*Wa'd Mulzim*) bagi permintaan aset untuk membeli komoditi-komoditi patuh Syariah ("Komoditi") (seperti minyak sawit mentah ("MSM"), resin plastik- polyethylene ("PE"), olein sawit RBD ("OLN") atau lain-lain komoditi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank) daripada pihak Bank pada Harga Jualan. Secara efektifnya, pihak Bank akan membeli Komoditi daripada pembekal pada Harga Belian ("Transaksi Belian"), dan kemudiannya, menjual Komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan ("Transaksi Jualan"). Jual beli Komoditi adalah berasaskan *Murabahah*. Harga Jualan hendaklah dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank secara tertanggung. Pelanggan hendaklah seterusnya menjual Komoditi tersebut melalui pihak Bank bertindak sebagai ejen di bawah *Wakalah* kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai peruntukan pembiayaan (had kredit) kepada Pelanggan. Transaksi Tawarruq hendaklah dilaksanakan sebelum pembayaran amaun pembiayaan kepada Pelanggan. Walaubagaimanapun, Pelanggan berhak untuk mengambil komoditi yang telah dibeli oleh pihak Bank apabila permintaan secara bertulis dibuat oleh pihak Pelanggan sebelum pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Kad Kredit. Semua kos dan perbelanjaan penghantaran serta pemindahan pemilikan komoditi akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan. Oleh yang demikian, amaun fasiliti tidak akan dibayar kepada Pelanggan.

Pelanggan akan memohon kemudahan kad kredit seperti biasa di bawah konsep *Tawarruq*. Bank akan menyediakan perkhidmatan, manfaat dan hak istimewa kepada pemegang kad bersama dengan had kad yang diluluskan yang akan diberikan kepada pemegang kad di bawah konsep *Tawarruq*.

Harga mesti ditentukan dan dipersetujui bersama oleh pihak berkenaan berdasarkan kontrak jualan dan pembelian masing-masing yang telah dipersetujui bersama. Jika kontrak jualan dan pembelian dalam *Tawarruq*

adalah berdasarkan asas *Murabahah*, syarat-syarat harga dalam penjualan *Murabahah* perlu dipatuhi, termasuk kos pendedahan dan keuntungan.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Tujuan Kad:** Sebarang penggunaan yang tidak melanggar prinsip Syariah.
- Had Pembiayaan:** Sehingga empat (4) kali gaji (tertakluk kepada kelayakan pemegang kad dan kelulusan oleh Bank mengikut budi bicaranya)
- Tempoh Kad:** Minimum dua (2) tahun dan maksimum lima (5) tahun (pembaharuan)
- Caj berikut dikenakan di bawah konsep *Tawarruq*.

Caj Keuntungan Sebenar		
Urus Niaga	Kadar Tahunan	Syarat-syarat
Pembelian Runcit	15%	Pemegang kad yang menyelesaikan pembayaran minimum yang terhutang secara segera untuk 12 bulan berturut-turut
	17%	Pemegang kad yang menyelesaikan pembayaran minimum yang terhutang secara segera untuk 10 bulan atau lebih dalam tempoh kitaran 12 bulan.
	18%	Pemegang kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas.
Pengeluaran Tunai	18%	Sehingga 70% daripada had yang ada. Tiada tempoh tangguh untuk pengeluaran tunai.

Nota: Caj Keuntungan sebenar ditanggung berdasarkan nilai sebenar penggunaan kad. Untuk menikmati kadar keuntungan yang lebih rendah, untuk transaksi runcit, anda digalakkan untuk membuat sekurang-kurangnya sepuluh (10) bayaran secara segera dalam tempoh dua belas (12) bulan yang lepas.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Minimum bayaran bulanan adalah **5%** daripada baki penyata tambah jumlah ansuran* tetap, atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi.
*Ansuran tetap seperti *Pelan Pemindahan Baki, Pelan Bayaran Mudah, Pelan Bayaran Ansuran, Pelan InstaCash, atau apa-apa pelan lain yang sedia ada tertakluk kepada ketersediaan.*
- Sebarang pembayaran minimum yang tertunggak.
- Pembayaran boleh dibuat melalui:
 - Pindahan segera atas talian; atau
 - Mesin Deposit Tunai ("CDM"); atau
- Tempoh Tangguh:** Pelanggan diberi tempoh tangguh selama 20 + 4 hari untuk transaksi runcit sahaja, dengan syarat baki tertunggak bulan sebelumnya telah diselesaikan sepenuhnya. Tempoh tangguh bermula dari tarikh pengeluaran penyata. Sebarang amaun yang diselesaikan dalam tempoh tangguh tertakluk kepada rebat (*Ibra'*) penuh oleh Bank. Tiada tempoh tangguh diberikan untuk Pengeluaran Tunai.



بنك معاملات

Bank Muamalat

KAD KREDIT-i (TAWARRUQ)

Visa

Tarikh: _____

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Kredit Kad-i (Tawarruq). Sila baca terma & syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

- Pemegang kad utama akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi yang ditanggung oleh pemegang kad tambahan, jika ada.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi & Caj	Amaan
Fi Tahunan	Visa Platinum: Prinsipal - RM138 setiap kad Tambahan - RM68 setiap kad [Yuran Tahunan pertama Visa Platinum DIKECUALIKAN. Untuk tahun seterusnya, ianya dikecualikan tertakluk kepada minimum 12 transaksi runcit setahun.] Visa Infinite: Pengecualian seumur hidup tanpa syarat perbelanjaan.
Fi Pengeluaran Tunai	Fi Perkhidmatan - 2.0% daripada jumlah pengeluaran tunai ATAU RM30 , yang mana lebih tinggi Caj Keuntungan Sebenar - Kadar Keuntungan untuk transaksi pengeluaran tunai akan dihadkan pada maksimum 1.5% sebulan, bersamaan dengan 18% setahun.
Penggantian Kad Hilang	RM50 setiap kad (untuk kerugian akibat kecauaian Pelanggan)
Caj Ganti Rugi Pembayaran Lewat (<i>Ta'widh</i>)	1% daripada baki tunggakan (merangkumi perbelanjaan runcit dan pengeluaran tunai sahaja), dihadkan kepada RM100 . Tiada kompaun dikenakan ke atas <i>Ta'widh</i> .
Draf Jualan Permintaan Dapatan Semula	RM15 setiap salinan bagi setiap transaksi
Permintaan Semula Draf Jualan	RM5 bagi setiap penyata fizikal bulanan
Penukaran Transaksi Luar Negara	Kadar pertukaran akan berdasarkan penentuan Visa semasa waktu penukaran. Kadar pertukaran mungkin berbeza dari kadar yang berlaku pada tarikh urusan disebabkan oleh turun naik pasaran. Bayaran perkhidmatan 1% dikenakan daripada jumlah yang ditukar.
Caj Lebih Had	Tidak Berkenaan
Cukai Perkhidmatan	RM25 untuk setiap Kad Utama dan Kad Tambahan. Cukai Perkhidmatan akan dikenakan pada tarikh Kad diaktifkan dan pada tarikh ulang tahun pengeluaran Kad pada tahun berikutnya.

Nota:

- Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuat kuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan pada terma dan syarat atau di dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.
- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Ta'widh (Caj Ganti rugi):** Sekiranya anda tidak memenuhi bayaran bulanan minimum yang perlu dibayar pada tarikh matang pembayaran, anda akan dikenakan **1%** daripada baki tunggakan (merangkumi perbelanjaan runcit dan pengeluaran tunai sahaja), dihadkan kepada **RM100**. Caj *Ta'widh* tidak akan dikompaunkan atau ditambah kepada caj amaun tunggakan yang tertunggak untuk pengiraan caj keuntungan.
- Ilustrasi *Ta'widh* dikenakan atas tunggakan bayaran 1 bulan:

Baki tunggakan (perbelanjaan runcit dan pengeluaran tunai sahaja)	:	RM 600
Amaun <i>Ta'widh</i> = 600 x 1%		
		= RM 6.00

- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan mengenai tunggakan pembayaran anda. Apa-apa sekuriti yang dicagarkan kepada Bank mungkin akan dirampas dan anda perlu tanggung segala kos berkaitan pelupusan aset. Anda juga perlu menyelesaikan apa-apa kekurangan yang mungkin ada selepas penjualan aset tersebut.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin boleh menjejaskan kredibiliti kredit anda di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit adalah lebih sukar atau mahal untuk anda.
- Hak untuk tolak-selesai:** Pihak Bank berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan anda dari sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda yang dikendalikan oleh Bank, dimana kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu.
- Liabiliti untuk Urus Niaga yang Tidak Dibenarkan:** Pemegang kad akan bertanggungjawab terhadap perkara berikut:
 - Transaksi berasaskan PIN tidak dibenarkan sekiranya pemegang kad telah: melakukan penipuan; pemberitahuan tertunda kepada BMMB secepat mungkin selepas mendapati kehilangan kad kredit atau terdapat penggunaan yang tidak dibenarkan; pemegang kad mendedahkan PIN secara sukarela kepada orang lain; menyimpan beberapa bentuk rekod PIN pada atau berdekatan dengan kad kredit.
 - Urus niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau kad kredit "*Contactless*" jika pemegang kad telah: bertindak melakukan penipuan; pemberitahuan tertunda kepada BMMB secepat mungkin selepas mendapati kehilangan kad kredit atau terdapat penggunaan yang tidak dibenarkan; Pemegang kad secara sukarela membenarkan individu lain menggunakan kadnya; meninggalkan kad kredit atau item yang mengandunginya tanpa pengawasan di mana ia dikesan oleh orang lain.
 - Pemegang kad dilarang menggunakan Kad Kredit-i untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tujuan yang bertentangan dengan Syariah. Pihak Bank mempunyai hak untuk menamatkan kemudahan Kad Kredit-i jika pemegang kad (baik Prinsipal dan Tambahan) didapati telah menggunakan Kad tersebut untuk aktiviti tersebut, dimana kami akan memaklumkan kepada anda terlebih dahulu melainkan terdapat sebab yang sah seperti pelanggaran peraturan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan ("AMLCFT").



Tarikh: _____
[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Kredit Kad-i (Tawarruq). Sila baca terma & syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

7. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tempoh matang?

Ibra` atau Rebat atas keuntungan tertanggung akan diberikan kepada Pelanggan tertakluk kepada prinsip Syariah:

- Pihak Bank perlu memberi *Ibra`* atau Rebat bagi penyelesaian* awal pembiayaan kepada Pelanggan;
- Pihak Bank perlu memberi *Ibra`* atau Rebat ke atas keuntungan daripada amaun Kemudahan yang masih belum digunakan;
- Pihak Bank perlu memberi Rebat jika ada perubahan antara Caj Keuntungan Bumbang dan jumlah ansuran bulanan / Caj Keuntungan Sebenar yang boleh dibayar pada akhir tempoh pembiayaan (mengikut mana-mana yang berkenaan);
- Sebarang *Ibra`* atau Rebat yang diberikan oleh pihak Bank perlu disifatkan sebagai terakhir dan muktamad. Pelanggan hendaklah bersetuju dengan ketepatan *Ibra`* yang diberikan tanpa sebarang bantahan atau pertikaian;

Nota: Perkara (a), (b), & (d) adalah terpakai untuk kedua-dua Kemudahan tetap dan terapung manakala perkara (c) adalah terpakai untuk Kemudahan terapung sahaja dan tertakluk kepada ketiadaan kejadian keingkaran yang berlaku dan berterusan.

(f) Formula Umum *Ibra`*:

Baki Tertunggak (Harga Jual Tertunggak)	-	Jumlah Prinsipal Tertunggak	-	Amaun Terhutang Kepada Bank ¹	-	Pengurangan <i>Ibra`</i>
---	---	-----------------------------	---	--	---	--------------------------

Yang mana:

¹ Amaun terhutang kepada Bank merujuk kepada apa-apa amaun keuntungan yang tertunggak apabila penyelesaian* awal seperti keuntungan bulan semasa dan/atau tunggakan keuntungan (jika ada).

² Pengurangan *Ibra`* merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh penyelesaian* awal sebelum kematangan (jika terpakai).

***Nota:** Penyelesaian merujuk kepada bayaran terakhir dan penuh atas kemudahan pada tempoh matang atau pada pembatalan sebelum tempoh matang.

Ilustrasi *Ibra`* yang diberikan pada kematangan 5 tahun:

$$\begin{aligned} \text{Amaun } Ibra' &= 19,000 - 10,000 - 3,750 - 0 \\ &= 5,250 \end{aligned}$$

Tiada penalti dikenakan untuk penyelesaian awal untuk apa-apa pelan ansuran (seperti Pelan Pemindahan Baki, Pelan Bayaran Mudah, Pelan Bayaran Ansuran, Pelan *InstaCash*, atau apa-apa pelan lain yang sedia ada tertakluk kepada ketersediaan) dan tiada caj penyelesaian awal.

8. Apakah risiko utama?

- Sekiranya anda hanya membuat pembayaran bulanan minimum, anda akan dikenakan lebih banyak caj keuntungan dan masa yang diambil untuk menyelesaikan baki hutang anda akan meningkat.
- Sekiranya anda menggunakan Kad Kredit-i anda untuk membayar pembiayaan lain, ia boleh meningkatkan kos anda.

- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pembiayaan anda, sila hubungi kami dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.
- Anda bertanggungjawab untuk memberitahu Bank dengan segera sekiranya kad anda hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah terjadi, atau PIN terjejas dengan menghubungi talian 03-2600 5500.
- Anda bertanggungjawab untuk segera memaklumkan pihak Bank jika menerima pemberitahuan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), jika transaksi yang berlaku adalah tidak sah/tidak dibenarkan.
- Untuk mengurangkan risiko transaksi tidak dibenarkan berlaku, anda diingatkan untuk: memastikan keselamatan kad dan PIN pada setiap masa dengan tidak mendedahkan butiran kad atau PIN kepada orang lain; tidak mencatat PIN pada atau berdekatan dengan kad; mengelakkan memilih PIN dari rujukan yang mudah dikenali seperti tarikh lahir, kad pengenalan, passport, lesen memandu, atau nombor hubungan anda; tidak membenarkan orang lain menggunakan kad dan PIN; dan memeriksa penyata anda dan melaporkan sebarang percanggahan kepada Bank secepat mungkin.

9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Takaful adalah atas pilihan Pelanggan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk menghubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat untuk memastikan segala urusan surat menyurat diterima tepat pada masanya.

Tel : 03-26005500
Laman web : www.muamalat.com.my
Cawangan : Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan

11. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran yang lain.
- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau servis yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Tulis kepada : Bank Muamalat Malaysia Berhad
Customer Service Department
Level 19, Menara Bumiputra
21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-26005500
Laman web : www.muamalat.com.my
Cawangan : Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan

- Selain itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:



بنك معاملات

Bank Muamalat

KAD KREDIT-i (TAWARRUQ)

Visa

Tarikh: _____

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Kredit Kad-i (Tawarruq). Sila baca terma & syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

Tulis kepada : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2616 7766
E-mail : enquiry@akpk.org.my

12. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang kami di www.muamalat.com.my.

13. Lain-lain produk sedia ada?

- Kad Debit-i

- Anda boleh berdaftar untuk program "Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)" yang dianjurkan secara percuma oleh BNM. Program ini diadakan untuk mengajar dan mewujudkan kemahiran kewangan dalam pengurusan wang dan hutang peribadi.
- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Tulis kepada : Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Fax : 03-2174-1515
eLINK : <https://telelink.bnm.gov.my/>

NOTA PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS KAD KREDIT-i (TAWARRUQ) ANDA.

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada: **9 Jun 2023**